



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN
SEKOLAH RENDAH**

**PENDIDIKAN
MUZIK**

2002

KANDUNGAN

		HALAMAN
1.	KANDUNGAN	iii
2.	RUKUNEGARA	v
3.	FALSAFAH	vii
4.	KATA PENGANTAR	ix
5.	PENDAHULUAN	1
6.	PENDIDIKAN MUZIK KBSR <ul style="list-style-type: none"> • Matlamat • Objektif 	
7.	PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN <ul style="list-style-type: none"> • Penyampaian • Elemen • Pentaksiran 	
8.	TAHAP 1	7
	Kandungan Tahun 1	9
	• Tahun 1	10-17
	Kandungan Tahun 2	19
	• Tahun 2	20-29
	Kandungan Tahun 3	31
	• Tahun 3	32-42
	TAHAP 2	43
	Kandungan Tahun 4	45 - 46
	• Tahun 4	47 - 61
	Kandungan Tahun 5	63-64
	• Tahun 5	65 - 81
	Kandungan Tahun 6	83 - 84
	• Tahun 6	85 - 99
9.	Pemetaan Kandungan	101 - 108

RUKUN NEGARA

Bahawasanya negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara hidup yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak ; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut :

Kepercayaan kepada Tuhan
Kesetiaan kepada Raja dan Negara
Keluhuran Perlembagaan
Kedaulatan Undang-Undang
Kesopanan dan Kesusilaan

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“ Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembang lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

KATA PENGANTAR

Kurikulum persekolahan kebangsaan mendukung hasrat mulia negara bagi menyediakan pendidikan bertaraf dunia kepada generasi masa kini dan akan datang. Penyemakan kurikulum memenuhi Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berhasrat menyediakan peluang pendidikan berterusan yang memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis. Penggubalan ini bertujuan untuk menyediakan warga Malaysia yang mampu menghadapi cabaran pendidikan masa kini selaras dengan perubahan globalisasi yang pesat.

Program pembelajaran Pendidikan Muzik sekolah rendah memberikan penekanan pada pemerolehan ilmu pengetahuan tentang muzik dan membina kemahiran muzikal secara amali melalui aktiviti muzik vokal dan instrumental. Melalui program ini juga, murid akan mendapat pendedahan tentang seni muzik secara lebih sistematik. Oleh itu proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah berfokus pada bentuk amali agar aktiviti yang dijalankan menarik dan berkesan.

Adalah diharapkan dengan adanya Huraian Sukatan Pelajaran ini, guru-guru akan dapat memainkan peranan yang lebih berkesan.

Dalam usaha memperkembang potensi murid melalui aktiviti pemikiran, penerokaan, penyataan idea, ekspresi diri dan penghasilan muzik. Guru-guru hendaklah menghayati aspirasi dokumen ini dan memperkembang lagi cadangan-cadangan aktiviti yang disedia dengan idea-idea yang kreatif.

Kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, masa, dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.



(Dr. Sharifah Maimunah bt. Syed Zin)
Pengarah
Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia.

PENDAHULUAN

Kurikulum Pendidikan Muzik sekolah rendah adalah untuk semua murid di sekolah rendah. Program pembelajaran yang disediakan direka bentuk untuk memberi peluang murid menikmati unsur estetik dalam muzik dan pada masa yang sama, memperoleh pengetahuan dan kefahaman konsep muzik yang *elementary*. Di samping itu murid juga mendapat pengalaman muzik yang memadai bagi mencetus dan memperkembang minat dan bakat mereka dalam seni muzik.

Bagi membantu guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, maka disediakan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) sebagai dokumen sokongan kepada Sukatan Pelajaran (SP) KBSR. Dokumen ini menggariskan skop pembelajaran tahun demi tahun dari Tahun 1 hingga Tahun 6. Ia mendetilkkan aras pencapaian bagi item pembelajaran yang dikenal pasti, disertai dengan contoh aktiviti dan catatan am. Di samping itu dokumen ini menggariskan peranan guru dan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik. Pada bahagian akhir dokumen ini dilampirkan satu pemetaan yang memaparkan taburan isi pelajaran untuk enam tahun program pembelajaran.

ORGANISASI KANDUNGAN

Kandungan Huraian Sukatan Pelajaran ini disusun mengikut aspek seperti berikut:

- Persepsi Estetik
- Pengalaman muzikal
- Ekspresi Kreatif, dan
- Penghargaan Estetik.

Kandungan setiap aspek tersebut dibentangkan dalam lajur-lajur utama iaitu lajur "ITEM", lajur "HASIL PEMBELAJARAN" (HP), dan lajur "CADANGAN AKTIVITI / CATATAN".

(a) Lajur ITEM

Lajur ini menyenaraikan konsep muzik dan kemahiran muzikal yang perlu dikuasai murid.

(b) Lajur HP

Pada asasnya pernyataan HP mengandungi butiran berikut:

- Perlakuan;
- Faktor;
- Kualiti / standard; dan
- Situasi / syarat.

Contoh: Menulis not muzik dengan jelas *pada baluk*.

Bagi setiap item disediakan HP yang harus dicapai murid. Dalam pada itu, terdapat item yang dilengkapkan dengan dua atau tiga aras pencapaian. Majoriti item disediakan dengan tiga aras pencapaian. Walau bagaimanapun, bagi item yang merupakan konsep asas atau kemahiran muzik yang fundamental kepada amalan yang berterusan dalam bidang muzik, hanya aras umum sahaja disediakan. Demikian juga, bagi item yang difikirkan pencapaiannya adalah pada tahap maksimum untuk sesuatu peringkat pembelajaran, maka hanya satu aras disediakan.

Penjelasan tentang aras pencapaian adalah seperti berikut:

Aras Pencapaian	Penjelasan
Aras I	Tahap umum yang disasarkan untuk dicapai oleh semua murid.
Aras II	Tahap yang lebih maju daripada pencapaian umum yang ditetapkan.
Aras III	Tahap pencapaian yang lebih tinggi menuju ke arah pencapaian maksimum murid.

Rajah 1.

Bagi tujuan pentaksiran, semua murid hendaklah mencapai ARAS 1.

(b) Lajur CATATAN

Lajur ini mengandungi maklumat dan panduan am yang merangkumi contoh aktiviti dan peringatan am.

Keempat-empat aspek dalam program pembelajaran Pendidikan Muzik KBSR hendaklah dilihat secara menyeluruh sebagai perkara-perkara yang saling berkaitan. Susunan aspek dan item dalam dokumen ini hanyalah bagi kemudahan merujuk dan mengesan item dan bukanlah sebagai satu sekuen yang mesti dipatuhi. Pengajaran dan pembelajaran boleh dilaksanakan pada mana-mana aspek atau unit item yang difikirkan sesuai oleh guru dengan mengambil kira konteks, latar belakang murid, kesediaan dan aptitud mereka.

PENDIDIKAN MUZIK KBSR

Matlamat

Pendidikan Muzik bertujuan melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang asas tentang muzik, mempunyai kemahiran minimum dalam penghasilan muzik, berpotensi dalam aspek kreativiti dan inovasi, dapat menghargai dan menikmati estetika muzik dan dapat mengamalkan nilai murni.

Objektif

Setelah mengikuti pelajaran Pendidikan Muzik KBSR, murid dapat:

1. Mengetahui dan memahami konsep unsur-unsur asas muzik dan terminologi muzik.
2. Mengetahui dan memahami konvensi penulisan muzik.
3. Membaca dan menulis notasi muzik.
4. Mengetahui dan memahami teknik menyanyi.
5. Memperkembang kemahiran menyanyi dengan mengamalkan teknik yang betul.
6. Mengetahui dan memahami teknik bermain alat muzik.
7. Memperkembang kemahiran bermain alat muzik dengan teknik yang betul.
8. Memperkembang ekspresi diri dan daya kreatif.
9. Memperkembang daya penghargaan estetik terhadap karya dan persembahan muzik.
10. Menghargai pelbagai jenis muzik Malaysia serta budaya yang berkaitan dengannya.
11. Mengamalkan nilai kerjasama dalam pasukan, sikap positif dan ingin mencuba.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik KBSR berfokus kepada elemen pengetahuan dan kemahiran muzik. Di samping itu, elemen nilai turut diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran sama ada secara eksplisit atau secara implisit.

(a) Pengetahuan

Elemen ini memberi tumpuan kepada kebolehan murid mengetahui dan memahami konsep muzik yang berasaskan komponen berikut:

- i. Irama
- ii. Melodi
- iii. Ekspresi

(b) Kemahiran Muzik

Elemen ini memberi tumpuan kepada pembinaan kemahiran murid dalam perkara berikut:

- i. Mendengar muzik
- ii. Mengapresiasi muzik
- iii. Kreativiti
- iv. Membaca dan menulis muzik
- v. Menyanyi
- vi. Menghasilkan muzik instrumental

(c) Nilai

Antara nilai yang diterap adalah seperti berikut:

- i. Nilai murni
- ii. Nilai budaya
- iii. Patriotisme

Penyampaian

Oleh kerana muzik merupakan medium bagi meluahkan perasaan, fikiran dan imaginasi, mata pelajaran ini sangat berperanan dalam usaha membina kreativiti murid. Ke arah itu, sukatan pelajaran yang disediakan mengambil kira peluang murid melibatkan diri dalam aktiviti penerokaan dan penemuan, improvisasi, dan mereka cipta. Oleh yang demikian, usaha hendaklah ditumpukan ke arah memberi peluang murid melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran yang mengembirakan serta memberi pengetahuan dan pengalaman dengan berkesan. Murid melibatkan diri dengan cara mendengar, memerhati, melakukan, mencipta dan membuat refleksi sama ada secara individu atau berkumpulan. Dalam hal yang demikian, guru sangat berperanan dalam menentukan tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan.

Guru adalah pemudah cara, penggalak dan pembimbing dalam proses pembelajaran Pendidikan Muzik. Peranan ini dapat dilaksanakan dengan berkesan oleh guru yang mempunyai

pengetahuan dan kemahiran bukan sahaja dalam bidang muzik tetapi juga mempunyai pengetahuan, kemahiran, dedikasi dan inovasi dalam menguruskan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik. Adalah menjadi keperluan bagi guru Pendidikan Muzik mempertingkatkan profesionalisme mereka dalam pengetahuan muzik dan metodologi mata pelajaran ini dari semasa ke semasa.


Komunikasi berkesan adalah antara faktor penting dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik sekolah rendah. Murid digalakkan berinteraksi sesama mereka, dengan guru dan bahan pembelajaran. Hal ini memerlukan pengurusan interaksi di bilik darjah yang terancang, teratur dan terkawal.

Selain itu, murid diberi tugas dan latihan yang mencukupi dan terdiri daripada jenis bercapah dan mencabar. Bagi memperoleh kesan penyampaian yang optimum, guru harus mempelbagaikan teknik penyampaian mereka. Bagi mencapai tujuan itu guru harus meneroka potensi perkakasan pengajaran dan pembelajaran seperti Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif, Teori Pelbagai Kecerdasan, Pembelajaran Masteri, Belajar Untuk Belajar, Kajian Masa Depan, Pembelajaran Kontekstual, Pembelajaran Akses Kendiri, Konstruktivisme dalam Pengajaran dan Pembelajaran, dan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam pembelajaran.

Di peringkat sekolah rendah, pendedahan kepada sifat dan tabii bunyi perlu lebih banyak dilakukan melalui aktiviti amali berbanding dengan pendedahan secara formal. Sungguhpun demikian, ini tidak bermakna penyampaian pengetahuan dan kefahaman tentang konsep dan idea asas muzik di abaikan. Pengetahuan ini adalah penting untuk mengolah dan membina gubahan bunyi secara kreatif, bermakna dan berseni.

Pengetahuan konsep muzik, kemahiran teknik dan nilai estetik diperkembangkan melalui pengalaman muzikal yang terdiri daripada aktiviti menyanyi, bermain alat muzik dan bergerak. Ketiga-tiga bidang aktiviti ini merupakan arena untuk murid memahami konsep muzik dan membina kemahiran muzikal dalam konteks yang autentik. Dengan cara yang demikian, ilmu pengetahuan dapat diperkenalkan dan kefahaman diperkukuhkan dalam suasana yang tidak formal. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran boleh dipelbagaikan dalam sesuatu penyampaian dengan cara menggabungkan aktiviti menyanyi, bermain alat muzik dan gerakan. Penggabungan jalinan ini dapat dilihat seperti kombinasi yang digambarkan dalam Rajah 2 :

Rajah 2.



Petunjuk:
N = Nyanyian
A = Permainan
Alat Muzik
G = Gerakan

Pentaksiran

Dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Muzik KBSR, pentaksiran adalah berfaedah untuk mengesan tahap pencapaian murid. Hasil pentaksiran dapat membantu guru merancang pengajarannya serta menentukan jenis tindakan susulan yang sesuai untuk mempertingkatkan pencapaian murid. Di samping itu, murid dapat menyedari kemampuan mereka dan berpeluang menyusun tindakan untuk mencapai sasaran mereka sendiri. Pentaksiran Pendidikan Muzik secara formatif dan juga sumatif hendaklah dijalankan dari semasa ke semasa. Pentaksiran boleh dilakukan melalui aktiviti lisan, amali dan bertulis, sama ada secara inklusif semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung atau pada masa-masa yang ditetapkan seperti waktu ujian bulanan, ujian semester dan peperiksaan hujung tahun. Pentaksiran kemahiran secara amali boleh dilaksanakan sebagai kerja kursus.

Antara instrumen pentaksiran yang praktikal digunakan adalah pemerhatian, temu bual, tunjuk cara, melengkapkan, menyenaraikan, kuiz, padanan, aneka pilihan, senarai semak, perbincangan, folio, refleksi dan laporan.

TAHAP I

KANDUNGAN TAHUN 1

Dalam usaha mencapai matlamat dan objektif kurikulum Pendidikan Muzik KBSR, murid Tahun 1 perlu mempelajari dan menguasai:

1. KONSEP MUZIK

(a) Irama

- Detik
- Tempo lambat ; tempo cepat
- Tekanan dalam Meter 2an ; 4an
- Nilai not dan tanda rehat - Not panjang dan not pendek dengan nilai



- Corak Irama - Rentak Mac

(b) Melodi

- Pic tinggi, pic rendah dan solfa - so ; mi
- Warna Ton - Suara atau Bunyi manusia (lelaki/ perempuan/ kanak-kanak) ; haiwan ; alam sekitar ; alat perkusi

(c) Ekspresi

- Dinamik - Lembut ; Kuat
- Mud – Riang ; sedih ; bersemangat

2. KEMAHIRAN

(a) Nyanyian

- Teknik menyanyi – Postur ; Sebutan
- Menyanyi secara muzikal dari segi irama, melodi dan ekspresi

(b) Permainan Alat Muzik

- Teknik Bermain Perkusi - Teknik memegang dan memainkan alat perkusi seperti loceng, kastanet, kayu tik-tok, kerincing, tamborin.
- Bermain perkusi secara muzikal dari segi irama dan ekspresi

(c) Kriteria Persembahan

- Keseimbangan

3. KREATIVITI

Pengalaman meneroka, mengimprovisasi dan mereka cipta dengan bunyi.

4. APRESIASI

Memberi respon terhadap karya muzik dan persembahan secara lisan, pergerakan dan catatan.

ASPEK 1 : PERSEPSI ESTETIK
PENGETAHUAN DAN KEFAHAMAN BAHASA MUZIK

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Catatan
1.1	IRAMA 1.1.1 Detik	ARAS 1 (a) Mengenal pasti detik lagu yang diperdengar dengan betul. ¹	Membuat gerakan atau perkusi badan untuk merasa detik lagu yang diperdengar.
	1.1.2 Tempo <ul style="list-style-type: none"> • Tempo lambat ; Tempo cepat 	ARAS 1 (a) Mengenal pasti tempo lagu yang diperdengar dengan betul. ¹	Mendengar dan menyanyi lagu-lagu dalam berlainan tempo. Mengecam tempo lambat dan tempo cepat. Menyatakan tempo lagu-lagu yang diperdengar atau dinyanyikan.
	1.1.3 Corak Irama <ul style="list-style-type: none"> • Nilai not – Not panjang ; Not pendek 	ARAS 1 (a) Mengecam nilai not yang dimainkan secara terasing, dengan betul. ¹	Mendengar contoh not panjang dan not pendek. Memainkan corak irama menggunakan alat perkusi ringan berdasarkan skor. Menyatakan nilai not yang diperdengar.

1 : Bagi item yang *fundamental* dan tekal, tahap pencapaian aras satu sahaja disediakan.

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran		Cadangan Aktiviti / Catatan
	<ul style="list-style-type: none"> • Rentak Mac 	ARAS 1 (a) Mengenal pasti rentak Mac dalam lagu yang diperdengar dengan betul.		Mendengar, menyanyikan, memainkan lagu-lagu berentak Mac. Membuat gerakan mengikut detik berdasarkan lagu berentak Mac.
1.2	MELODI 1.2.1 Pic <ul style="list-style-type: none"> • Aras pic – Pic tinggi; Pic rendah 	ARAS 1 (a) Mengenal pasti aras pic tinggi dan rendah pada bunyi yang diperdengar secara terasing dengan betul.		Mendengar, membunyikan, memainkan pic tinggi / rendah. Membuat gerakan berdasarkan aras pic yang dimainkan. Mengecam aras pic yang dimainkan.
	1.2.2 Warna Ton <ul style="list-style-type: none"> • Suara • Bunyi – Haiwan ; Alam sekitar 	ARAS 1 (a) Mengenal pasti jenis suara yang terdapat dalam muzik nyanyian yang diperdengar dengan betul.	ARAS 2 Menyatakan dengan jelas sifat suara yang terdapat dalam muzik nyanyian yang diperdengarkan.	Mendengar pelbagai bunyi daripada berlainan sumber. Contoh sifat suara: <ul style="list-style-type: none"> - nyaring - garau - halus - lembut - tinggi, rendah

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
		(b) Mengenal pasti warna ton empat jenis bunyi yang diperdengar dengan betul.	Mengenal pasti warna ton enam jenis bunyi yang diperdengarkan, dengan betul.	Mengenal pasti warna ton lapan jenis bunyi yang diperdengar dengan betul.	Mengajuk bunyi yang diperdengar.
1.3	<p>EKSPRESI</p> <p>1.3.1 Dinamik</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lembut (<i>p</i>); • Kuat (<i>f</i>) 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Memberi respon terhadap dinamik pada lagu yang diperdengar dengan betul.</p>			<p>Mendengar dan menyanyikan lagu yang mempunyai contoh dinamik lembut dan kuat.</p> <p>Memainkan alat perkusi dengan dinamik lembut dan kuat.</p> <p>Memberi respon melalui gerakan terhadap dinamik lembut dan kuat.</p>
	<p>1.3.2 Mud</p> <ul style="list-style-type: none"> • Riang ; sedih ; bersemangat 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Memberi respon yang sesuai terhadap mud lagu yang diperdengar.</p>			<p>Mendengarkan dan menyanyikan lagu-lagu mud riang, sedih dan bersemangat.</p> <p>Memilih warna yang sesuai untuk mewakili mud.</p> <p>Contohnya: Riang – Kuning Sedih – Hitam Bersemangat – Merah</p> <p>Memberi respon melalui gerakan terhadap mud riang, sedih dan bersemangat.</p>

ASPEK 2 : PENGALAMAN MUZIKAL

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
2.1	NYANYIAN 2.1.1 Teknik Menyanyi <ul style="list-style-type: none"> • Postur • Sebutan 	ARAS 1 (a) Menyanyi dengan postur yang betul.			Latihan postur duduk dan berdiri. Menyanyi pelbagai jenis lagu. Latihan sebutan berirama. Membuat latihan sebutan perkataan.
		(b) Menyanyi dengan sebutan lirik yang jelas.			
	2.1.2 Menyanyi Secara Muzikal <ul style="list-style-type: none"> • Tempo • Melodi • Ekspresi 	ARAS 1 (a) Menyanyikan lagu dengan betul mengikut tempo, melodi dan ekspresi.			Menyanyikan pelbagai jenis lagu secara solo atau kumpulan. Menyanyi secara hafalan mengikut tempo, pic, dinamik dan mud.
	<ul style="list-style-type: none"> • Pic - solfa so ; mi 	ARAS 1 (a) Menyanyikan dengan betul pic "so" dan "mi" secara berpandu ² .	ARAS 2 Menyanyikan dengan betul melodi mudah yang mengandungi pic "so" dan "mi" secara berpandu.	ARAS 3 Menyanyikan dengan betul melodi mudah yang mengandungi pic "so" dan "mi".	Membuat latihan solfa dengan pic "so" dan "mi". Membuat latihan solfa dengan isyarat tangan Curwen. Menyanyikan lagu yang mengandungi pic "so" dan "mi".

2 : Guru memberi petunjuk dan mengingatkan murid dari semasa ke semasa.

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Catatan
2.2	PERMAINAN ALAT PERKUSI 2.2.1 Teknik <ul style="list-style-type: none"> • Memegang / mengendalikan 	ARAS 1 (a) Memegang alat perkusi ³ dengan teknik yang betul.	Meneroka alat muzik secara bebas dari segi cara memegang dan membunyikannya. Memegang dan membunyikan alat perkusi secara konvensional.
	<ul style="list-style-type: none"> • Memainkan 	(b) Memainkan alat perkusi mengikut teknik yang betul.	Memainkan alat perkusi sambil menyanyi, membuat gerakan kreatif dan mendengar muzik.
	2.2.2 Bermain Alat Perkusi Secara Muzikal <ul style="list-style-type: none"> • Detik 	ARAS 1 (a) Memainkan detik dengan betul mengikut tempo yang ditetapkan.	Memainkan alat perkusi untuk mengiringi nyanyian dan muzik instrumental.
	<ul style="list-style-type: none"> • Tekanan 2an ; 4an 	(b) Memainkan tekanan dengan betul dalam lagu bermeter 2 4 4 4	

3: Senarai alat perkusi seperti yang terdapat dalam pemetaan kandungan.

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Catatan
2.3	<p>KRITERIA PERSEMBAHAN</p> <p>2.3.1 Keseimbangan</p>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengekalkan keseimbangan suara dengan baik ketika menyanyi dalam kumpulan secara berpandu.</p>	<p>Menyanyikan pelbagai jenis lagu secara berkumpulan.</p>
		<p>(b) Mengekalkan keseimbangan bunyi dengan baik ketika memainkan alat perkusi dalam kumpulan secara berpandu.</p>	<p>Memainkan pelbagai jenis lagu secara berkumpulan.</p>

ASPEK 3 : EKSPRESI KREATIF

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
3.1	<p>PENEROKAAN BUNYI</p> <p>3.1.1 Bunyi haiwan, bunyi alam sekitar dan suara manusia</p>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengajuk satu contoh bunyi haiwan, bunyi alam sekitar dan suara manusia, dengan betul.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Mengajuk dua contoh bunyi haiwan, bunyi alam sekitar dan suara manusia, dengan betul.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Mengajuk lebih daripada dua contoh bunyi haiwan, bunyi alam sekitar dan suara manusia, dengan betul.</p>	<p>Mendengar bunyi daripada pelbagai sumber bunyi.</p> <p>Mengecam dan mengenal pasti bunyi.</p> <p>Mengajuk bunyi dengan menggunakan suara.</p> <p>Meneroka bunyi daripada pelbagai sumber.</p>
3.2	<p>IMPROVISASI</p> <p>3.2.1 Corak Irama</p>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Memberi jawapan yang sesuai dengan membalas satu corak irama yang diperdengar.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Memberi jawapan yang sesuai dengan membalas dua corak irama yang diperdengar.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Memberi jawapan yang sesuai dengan membalas tiga corak irama yang diperdengar.</p>	<p>Mendengar contoh corak irama.</p> <p>Mengecam kad imbasan ikon corak irama yang dimainkan atau diperdengar.</p> <p>Membalas corak irama menggunakan perkusi badan dan alat perkusi ringan.</p>

ASPEK 4 : PENGHARGAAN ESTETIK

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Catatan
4.1	<p>MUZIK NYANYIAN</p> <p>Menghayati konsep muzik:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Warna Ton • Tempo • Ekspresi 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Memberi respon yang sesuai terhadap sebuah lagu yang diperdengar berpandukan konsep muzik yang dipelajari.</p>	<p>Membuat catatan, lakaran dan refleksi terhadap lagu/muzik yang didengar.</p> <p>Memberi reaksi terhadap lagu/muzik secara lisan atau gerakan.</p>

KANDUNGAN TAHUN 2

Dalam usaha mencapai matlamat dan objektif kurikulum Pendidikan Muzik KBSR, murid Tahun 2 perlu mempelajari dan menguasai:

1. KONSEP MUZIK

(a) Irama

- Detik
- Tempo lambat ; tempo cepat
- Tekanan dalam meter 2an ; 4an
- Nilai not dan tanda rehat - not panjang dan not pendek dengan nilai



- Corak Irama - Rentak Mac dan Masri

(b) Melodi

- Pic tinggi, pic rendah dan solfa - la ; so ; mi
- Warna Ton - Suara atau Bunyi manusia (lelaki/ perempuan/ kanak-kanak, haiwan, alam sekitar, perkusi badan, alat perkusi Tekstur dalam muzik solo ; muzik kumpulan
- Bentuk - Struktur A B
- Frasa

(c) Ekspresi

- Dinamik- Lembut ; kuat
- Mud - Riang ; sedih ; bersemangat

2. KEMAHIRAN

(a) Nyanyian

- Teknik menyanyi – Postur ; sebutan ; pernafasan

(b) Permainan Alat Muzik

- Teknik bermain perkusi – Cara memegang dan memainkan alat perkusi seperti loceng, kastanet, kayu tik-tok, kerincing, tamborin.

(c) Kriteria Persembahan

- Keseimbangan ; Etika

3. KREATIVITI

Pengalaman meneroka, mengimprovisasi dan mereka cipta dengan bunyi.

4. APRESIASI

Memberi respon terhadap karya dan persembahan muzik secara lisan, pergerakan dan catatan.

ASPEK 1 : PERSEPSI ESTETIK
PENGETAHUAN DAN KEFAHAMAN BAHASA MUZIK

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Catatan
1.1	IRAMA 1.1.1 Detik	ARAS 1 (a) Menyatakan perbezaan tempo lagu yang diperdengar dengan betul.	Memainkan permainan detik seperti melambung bola atau pundi kacang.
	1.1.2 Detik <ul style="list-style-type: none"> • Tempo lambat ; Tempo cepat 	(a) Menyatakan perbezaan tempo lagu yang diperdengar dengan betul.	Menyanyikan pelbagai jenis lagu yang berlainan tempo. Memainkan alat muzik dalam pelbagai jenis lagu yang berlainan tempo. Menyanyikan lagu dalam pelbagai tempo. Contoh : Rangkap 1 - cepat Rangkap 2 - lambat Rangkap 3 - cepat Rangkap 4 – lambat
	1.1.3 Corak Irama <ul style="list-style-type: none"> • Not panjang ; Not pendek 	ARAS 1 (a) Mengecam not panjang dan not pendek dengan betul dalam sekumpulan bunyi yang diperdengar.	Mendengar contoh not panjang dan not pendek. Memainkan corak irama menggunakan alat perkusi ringan berdasarkan ikon yang dibaca.

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
	<ul style="list-style-type: none"> Rentak - Mac ; Masri 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengecam rentak Mac dan Masri dalam lagu yang diperdengar dengan betul.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menyatakan ciri-ciri rentak Mac dan Masri dengan respon yang sesuai secara berpandu.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Membanding beza corak irama rentak Mac dan Masri pada lagu yang diperdengar dengan betul.</p>	<p>Mendengar dan menyanyikan lagu-lagu berentak Mac dan Masri.</p> <p>Membuat gerakan berdasarkan lagu berentak Mac dan Masri.</p>
1.2	<p>MELODI</p> <p>1.2.1 Pic</p> <ul style="list-style-type: none"> Aras Pic – Pic tinggi ; Pic rendah 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengenal pasti aras pic tinggi dan rendah dengan betul secara grafik.</p>			<p>Mendengar, membunyikan, memainkan pic tinggi atau rendah.</p> <p>Membuat gerakan berdasarkan aras pic yang dimainkan.</p> <p>Membuat lakaran grafik menunjukkan pic tinggi dan rendah.</p>
	<p>1.2.2 Warna Ton (Timbre)</p> <ul style="list-style-type: none"> Alat perkusi 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Menyatakan dengan sesuai perbezaan bunyi dua alat perkusi yang dimainkan secara terasing.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menyatakan dengan sesuai perbezaan bunyi tiga alat perkusi yang dimainkan secara terasing.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Menyatakan dengan sesuai perbezaan bunyi empat alat perkusi yang dimainkan secara terasing.</p>	<p>Mendengar bunyi daripada alat perkusi yang berlainan.</p> <p>Mengecam dan mengenal pasti bunyi alat perkusi.</p> <p>Meneroka bunyi dengan menggunakan alat perkusi.</p>

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Catatan
	1.2.3 Bentuk <ul style="list-style-type: none"> • Frasa lagu 	ARAS 1 (a) Mengenal pasti frasa dalam lagu dengan betul secara berpandu.	Mendengar dan menyanyikan pelbagai jenis lagu.
	<ul style="list-style-type: none"> • Struktur AB 	(b) Mengenal pasti seksyen 'A' dan 'B' dalam sesebuah lagu dengan betul secara berpandu.	Mendengar dan menyanyikan pelbagai jenis lagu. Membuat gerakan kreatif mengikut seksyen. Contoh lagu AB: Bunyi Binatang Bergalop Geylang Si Paku Geylang.
1.3	EKSPRESI 1.3.1 Dinamik <ul style="list-style-type: none"> • Lembut • Kuat 	ARAS 1 (a) Memberi respon terhadap dinamik dengan betul pada lagu yang diperdengar.	Mendengar dan menyanyikan lagu-lagu yang mempamerkan dinamik lembut dan kuat. Membanding beza dinamik dalam lagu-lagu yang didengari atau dinyanyikan. Membuat gerakan mengikut dinamik lembut dan kuat.

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Catatan
	<p>1.3.2 Mud</p> <p>- Riang ; Sedih ; Bersemangat</p>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Memberi respon yang sesuai terhadap mud lagu yang diperdengar.</p>	<p>Mendengar dan menyanyikan lagu-lagu pelbagai mud.</p> <p>Membuat gerakan kreatif untuk menunjukkan mud.</p> <p>Memilih dan memainkan alat perkusi yang sesuai untuk menunjukkan mud.</p>

ASPEK 2 : PENGALAMAN MUZIKAL

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Catatan
2.1	<p>PENGETAHUAN TEKNIK</p> <p>2.1.1 Teknik Nyanyian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Postur • Sebutan • Pernafasan 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mempraktikkan postur, sebutan dan pernafasan yang betul ketika menyanyi secara berpandu.</p>	<p>Latihan persediaan diri sebelum menyanyi.</p> <p>Latihan vokal atau menyebut lirik lagu secara berirama.</p> <p>Latihan pernafasan dan kawalan nafas.</p>
	<p>2.1.2 Teknik dalam permainan perkusi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memegang dan mengendali • Memainkan 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Memegang alat perkusi⁴ dengan teknik yang betul</p>	<p>Meneroka alat secara bebas dari segi cara memegang dan membunyikan.</p> <p>Memperaktikkan teknik memegang dan memainkan alat perkusi sambil menyanyi, membuat gerakan kreatif dan mendengar muzik.</p>

4 : Senarai alat perkusi seperti dalam pemetaan kandungan.




Bil.	Item	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Catatan
2.2	KRITERIA PERSEMBAHAN <ul style="list-style-type: none"> • Keseimbangan <ul style="list-style-type: none"> - Nyanyian - Permainan muzik instrumental • Etika 	ARAS 1 (a) Mengekalkan keseimbangan suara dengan baik ketika menyanyi dan bermain alat muzik secara berkumpulan.	Menyanyikan pelbagai jenis lagu. Memainkan alat perkusi dalam kumpulan.
		(a) Dapat menunjukkan disiplin dalam persembahan nyanyian dan permainan muzik instrumental.	Menyanyikan pelbagai jenis lagu. Memainkan alat-alat perkusi dalam pelbagai jenis lagu.
2.2	PENGALAMAN MUZIK 2.2.1 Menyanyi <ul style="list-style-type: none"> • Melodi • Tempo • Ekspresi 	ARAS 1 (a) Menyanyikan lagu mengikut irama, melodi dan ekspresi dengan betul.	Menyanyikan pelbagai jenis lagu secara solo atau kumpulan. Menyanyi secara hafalan mengikut tempo, pic dinamik dan mud.

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
	<ul style="list-style-type: none"> • Pic – Solfa La ; So ; Mi 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Menyanyikan solfa la, so, mi dengan betul secara berpandu.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menyanyikan melodi⁵ mudah yang mengandungi pic la, so, dan mi dengan betul secara berpandu.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Menyanyik dengan betul melodi mudah yang mengandungi pic la, so dan mi.</p>	<p>Membuat latihan solfa dengan pic la, so dan mi.</p> <p>Membuat latihan solfa dengan isyarat tangan Curwen.</p> <p>Menyanyikan lagu atau keratan lagu yang mengandungi pic la, so dan mi.</p>
	<p>2.2.2 Memainkan alat perkusi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Detik 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Memainkan detik mengikut tempo yang ditetapkan dengan betul.</p>			<p>Pass pundi kacang kepada rakan di sebelah mengikut detik atau tekanan</p> <p>Melakukan perkusi badan mengikut detik atau tekanan dengan atau tanpa iringan muzik</p> <p>Memainkan alat perkusi mengiringi nyanyian dan muzik instrumental.</p>

5 : Tidak semestinya ketiga-tiga pic terkandung dalam sesebuah lagu atau keratan lagu yang sama.

ASPEK 3 : EKSPRESI KREATIF

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
	<ul style="list-style-type: none"> • Tekanan 2an ; 4an 	(b) Memainkan tekanan dalam lagu meter $\frac{2}{4}$ dan $\frac{4}{4}$ dengan betul.			Memainkan alat perkusi mengiringi nyanyian dan muzik instrumental dalam meter $\frac{2}{4}$ dan $\frac{4}{4}$.
	<ul style="list-style-type: none"> • Corak Irama 	ARAS 1 (c) Memainkan corak irama sepanjang dua bar dengan betul.	ARAS 2 Memainkan corak irama sepanjang empat bar dengan betul.	ARAS 3 Memainkan corak irama dengan betul dalam tempo dan dengan dinamik yang ditetapkan menggunakan alat perkusi.	Memainkan alat perkusi mengiringi nyanyian dan alat perkusi.

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
3.1	<p>PENEROKAAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengalaman menemui – Meneroka pelbagai bunyi ; perkusi badan 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Menghasilkan dua bunyi menggunakan bahagian anggota badan.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menghasilkan tiga bunyi menggunakan bahagian anggota badan.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Menghasilkan melebihi tiga bunyi menggunakan bahagian anggota badan.</p>	<p>Menghasilkan bunyi dengan jari, tangan, kaki dan mulut.</p> <p>Meneroka dan merasai pelbagai kesan bunyi dengan anggota badan.</p>
3.2	<p>IMPROVISASI</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengalaman kreatif - Corak Irama 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Membalas corak irama yang diperdengar dengan memberi satu jawapan yang sesuai.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Membalas corak irama yang diperdengar dengan memberi dua jawapan yang sesuai.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Membalas corak irama yang diperdengar dengan memberi lebih daripada dua jawapan yang sesuai.</p>	<p>Mendengar contoh corak irama.</p> <p>Mengecam corak irama yang diperdengar.</p> <p>Membalas corak irama menggunakan perkusi perkusi badan dan alat perkusi ringan.</p>
3.3	<p>REKA CIPTA</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengalaman kreatif - Corak Irama 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Membina corak irama yang sesuai sepanjang satu bar dengan meter 2 atau 4 secara 4 4 berpandu.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Membina corak irama yang sesuai sepanjang dua bar dengan meter 2 atau 4 4 4 4 secara berpandu.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Membina corak irama yang sesuai dengan panjang melebihi dua bar dengan meter 2 atau 4 4 4 4 secara berpandu.</p>	<p>Menggunakan ikon untuk mencipta corak irama.</p> <p>Contoh ikon untuk mewakili perkusi badan:</p> <ul style="list-style-type: none">  Tepuk pipi  Tepuk tangan  Petik jari

ASPEK 4 : PENGHARGAAN ESTETIK

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran		Cadangan Aktiviti / Catatan
4.1	<p>NYANYIAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memberi respon <ul style="list-style-type: none"> - Warna ton - Tekstur - Tempo - Ekspresi 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Memberi respon yang sesuai kepada lagu yang diperdengar.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menyatakan tentang konsep muzik yang terdapat dalam lagu yang diperdengarkan, dengan betul.</p>	<p>Memberi reaksi secara lisan, bertulis dan gerakan kreatif terhadap lagu yang diperdengarkan.</p> <p>Contoh aktiviti bertulis: Mewarna, menanda pada senarai semak, melukis menulis dan mencatat.</p>
4.2	<p>MUZIK INSTRUMENTAL</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memberi respon <ul style="list-style-type: none"> - Warna ton - Tekstur - Tempo - Ekspresi 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Memberi respon yang sesuai kepada lagu yang diperdengarkan secara berpandu.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menyatakan tentang konsep muzik yang terdapat dalam lagu yang diperdengar dengan betul secara berpandu.</p>	<p>Mendengar muzik nyanyian yang sesuai.</p> <p>Menonton video persembahan muzik instrumental.</p> <p>Membuat catatan, lakaran dan refleksi.</p> <p>Memberi reaksi terhadap lagu dengan cara lisan atau gerakan.</p> <p>Soal jawab dengan rakan dan guru.</p>

KANDUNGAN TAHUN 3

Dalam usaha mencapai matlamat dan objektif kurikulum Pendidikan Muzik KBSR, murid Tahun 3 perlu mempelajari dan menguasai:

1. KONSEP MUZIK

(a) Irama

- Detik
- Meter 2 3 4
4 4 4
- Tempo lambat ; tempo cepat ; perubahan tempo
- Tekanan dalam meter 2an ; 4an ; 3an
- Nilai not dan tanda rehat - nilai dan notasi not panjang, not pendek dan tanda rehat



- Corak Irama - Rentak Mac, Masri dan Waltz
- Ostinato irama

(b) Melodi

- Pic tinggi, pic rendah dan solfa - la ; so ; mi ; re ; do
- Warna Ton - Suara atau Bunyi manusia (lelaki/perempuan/ kanak-kanak) ; haiwan ; alam sekitar ; perkusi badan ; alat; alat muzik
- Tekstur dalam muzik solo ; muzik kumpulan
- Bentuk - Struktur A B ; A B A
- Frasa

(c) Ekspresi

- Dinamik – Lembut ; kuat
- Mud – Riang ; sedih ; bersemangat

2. KEMAHIRAN

(a) Nyanyian

- Teknik menyanyi – Postur ; sebutan ; pernafasan

(b) Permainan Alat Muzik

- Teknik bermain perkusi – cara memegang dan memainkan alat perkusi seperti kerencing, kastenet, loceng, tik-tok, tamborin dan dram getar.

(c) Kriteria Persembahan

- Keseimbangan ; etika

3. KREATIVITI


Pengalaman meneroka, mengimprovisasi dan mereka cipta dengan bunyi.

4. APRESIASI

Memberi respon terhadap karya Ddan persembahan muzik secara lisan, pergerakan dan catatan.

ASPEK 1 : PERSEPSI ESTETIK
PENGETAHUAN DAN KEFAHAMAN BAHASA MUZIK

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran		Cadangan Aktiviti / Catatan
1.1	IRAMA 1.1.1 Meter 2 ; 3 ; 4 4 4 4	ARAS 1 (a) Mengenal pasti meter lagu yang diperdengar dengan betul.		Mendengar dan menyanyikan pelbagai jenis lagu dalam meter 2 , 3 dan 4. 4 4 4 Menghitung bit mengikut tekanan detik pertama dalam setiap bar.
	1.1.2 Tempo • Perubahan tempo - Ansur lambat ; Ansur cepat	ARAS 1 (a) Mengecam kehadiran perubahan tempo dalam lagu yang diperdengar dengan betul.	ARAS 2 Mengenal pasti jenis perubahan tempo yang diperdengar dengan betul.	Menyanyikan dan memainkan lagu dalam pelbagai tempo. Membuat gerakan kreatif mengikut perubahan tempo.

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
	<p>1.1.3 Corak Irama</p> 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengecam nilai not dan tanda rehat yang dimainkan secara terasing dengan betul.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Mengecam not panjang, not pendek dan tanda rehat daripada sekumpulan bunyi yang diperdengar dengan betul.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Mengenal pasti nilai not dan tanda rehat dalam corak irama yang diperdengar dengan betul.</p>	<p>Mendengar contoh not panjang, not pendek dan tanda rehat.</p> <p>Memainkan not panjang dan not pendek menggunakan alat perkusi ringan berdasarkan not yang dibaca.</p> <p>Menyatakan nilai not dan tanda rehat yang diperdengar.</p>
	<p>1.1.4 Corak irama</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rentak - Mac ; Masri ; Waltz 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengecam rentak Mac, Masri dan Waltz dalam lagu yang diperdengar dengan betul.</p>			<p>Mendengar dan menyanyikan lagu-lagu berentak Mac, Masri dan Waltz.</p> <p>Membuat gerakan berdasarkan lagu berentak Mac, Masri dan Waltz.</p> <p>Kaitkan rentak dengan aktiviti harian.</p>

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
	<ul style="list-style-type: none"> • Ostinato Irama 	ARAS 1 (a) Mengajuk ostinato irama dalam lagu yang diperdengar dengan betul.			Mendengar pelbagai jenis ostinato irama Memainkan ostinato irama menggunakan alat perkusi.
1.2	MELODI <ul style="list-style-type: none"> • Pic - Aras pic : Pic tinggi ; Pic rendah 	ARAS 1 (a) Mengenal pasti aras pic dua not dalam julat dua oktaf yang diperdengar dengan betul.	ARAS 2 Mengenal pasti aras pic dua not dalam julat satu oktaf yang diperdengar dengan betul.	ARAS 3 Mengenal pasti aras pic dua not dalam julat ke lima yang diperdengar dengan betul.	Mendengar, membunyikan pic tinggi dan rendah. Membuat gerakan berdasarkan aras pic yang dimainkan. Mengecam aras pic dalam siri bunyi yang dimainkan.
	<ul style="list-style-type: none"> • Menyanyi Solfa – la ; so ; mi ; re ; do 	ARAS 1 (a) Menyanyikan dengan betul pic la ; so ; mi ; re ; do secara berpandu.	ARAS 2 Menyanyikan dengan betul melodi mudah yang mengandungi pic la, so, mi, re, do secara berpandu.	ARAS 3 Menyanyika dengan betul melodi mudah yang mengandungi pic la, so, mi, re, do.	Menyanyikan dengan betul melodi mudah yang mengandungi pic la, so, mi, re, do.

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
	1.2.2 Warna ton <ul style="list-style-type: none"> • Alat Perkusi 	ARAS 1 (a) Memberi perbezaan bunyi dua alat perkusi dengan respon yang sesuai.	ARAS 2 Memberi perbezaan bunyi tiga alat perkusi dengan respon yang sesuai.	ARAS 3 Memberi perbezaan bunyi empat alat perkusi dengan respon yang sesuai.	Mengecam dan mengenal pasti bunyi alat perkusi yang mengiringi lagu. Mengecam dan mengenal pasti bunyi alat perkusi yang dimainkan dalam kumpulan.
	1.2.3 Bentuk <ul style="list-style-type: none"> • Struktur – AB ; ABA 	ARAS 1 (a) Mengenal pasti seksyen dalam lagu yang dipelajari dengan betul secara berpandu.			Mendengar dan menyanyi pelbagai lagu berbentuk AB dan ABA. Membuat gerakan kreatif berdasarkan lagu-lagu berbentuk AB dan ABA. Contoh lagu: Struktur AB – Lenggang Kangkung ; Aku Burung Tiung. Struktur ABA - Menampi Padi ; Sang Kancil dengan Buaya.

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Catatan
1.3	<p>EKSPRESI</p> <p>1.3.1 Dinamik</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lembut ; Kuat 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Menyatakan dengan betul dinamik lagu yang di perdengar.</p>	<p>Mendengar dan menyanyikan pelbagai jenis lagu.</p> <p>Membuat gerakan kreatif bagi menunjukkan dinamik dalam lagu yang didengari dan dinyanyikan.</p>
	<ul style="list-style-type: none"> • Riang ; sedih ; bersemangat 		<p>Mengecam mud lagu yang didengari, dinyanyikan dan dimainkan.</p>

ASPEK 2 : PENGALAMAN MUZIKAL

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Catatan
2.1	<p>PENGETAHUAN TEKNIK</p> <p>2.1.1 Teknik dalam nyanyian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Postur • Sebutan • Pemafoan 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mempraktikkan kawalan pemafoan yang betul secara berpandu.</p> <hr/> <p>(a) Mempraktikkan postur, sebutan, pemafoan dan penghasilan ton yang betul ketika menyanyi secara berpandu.</p>	<p>Membuat latihan pemafoan sebelum menyanyi.</p> <p>Latihan bemafoan dan mengawal nafas.</p> <hr/> <p>Latihan penghasilan ton.</p>
	<p>2.1.2 Teknik dalam permainan perkusi</p>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Memegang alat perkusi⁶ dengan teknik yang betul.</p>	<p>Meneroka alat secara bebas dari segi cara memegang dan membunyikan.</p>

6 : Senarai alat perkusi dicatat dalam pemafoan

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Catatan
	<p>2.1.3 Kriteria Persembahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keseimbangan • Etika Persembahan <ul style="list-style-type: none"> - Menghormati rakan, pemimpin, penonton - Tataterib pentas 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengimbangkan suara dan bunyi alat muzik dengan baik secara berpandu dalam persembahan nyanyian dan muzik instrumental.</p> <p>ARAS 1</p> <p>(a) mempraktikkan disiplin persembahan dalam nyanyian dan permainan muzik instrumental secara tekal.</p>	<p>Menyanyikan pelbagai jenis lagu secara kumpulan</p> <p>Memainkan alat muzik mengiringi pelbagai jenis lagu secara kumpulan.</p> <p>Menyanyikan dan memainkan alat muzik dalam pelbagai jenis lagu secara kumpulan.</p>
2.2	<p>PENGALAMAN MUZIK</p> <p>2.2.1 Menyanyi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Irama • Melodi • Ekspresi 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Menyanyikan lagu dengan teknik yang betul mengikut irama, melodi dan ekspresi.</p>	<p>Menyanyikan pelbagai jenis lagu secara solo dan berkumpulan dengan tumpuan kepada teknik nyanyian dan konsep muzik.</p>
		<p>(b) Menyanyikan solfa la, so, mi, re, do dengan betul.</p>	<p>Latihan solfa dengan pic la, so, mi, re, do.</p>

ASPEK 3 : EKSRESI KREATIF

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
3.1	<p>PENEROKAAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengalaman menemui – meneroka pelbagai bunyi : perkusi badan 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Menghasilkan kesan bunyi yang sesuai secara terasing daripada anggota badan ditetapkan.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menghasilkan kesan bunyi yang muzikal daripada gabungan bunyi anggota badan yang ditetapkan.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Menghasilkan gabungan kesan-kesan bunyi untuk menggambarkan situasi.</p>	<p>Menghubung kaitkan bunyi yang diterokai dengan bunyi alam sekitar.</p> <p><u>Contoh: kesan bunyi</u> Drum bes – guruh Kayu tik tok – bunyi jam Kastanat – bunyi kuda bergelop.</p>
	<p>- meneroka pelbagai bunyi : alat perkusi</p>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Menghasilkan kesan bunyi yang sesuai secara terasing daripada alat muzik yang ditetapkan.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menghasilkan kesan bunyi yang sesuai secara gabungan alat perkusi yang ditetapkan.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Menghasilkan gabungan kesan-kesan bunyi untuk menggambarkan situasi.</p>	<p><u>Contoh situasi</u> Bangun Pagi Hari Hujan Kemalangan Jalanraya Perayaan</p>
3.2	<p>IMPROVISASI</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengalaman kreatif - lirik 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Menggantikan perkataan yang ditetapkan dalam dengan perkataan yang sesuai secara berpandu.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Mengubahsuai sebaris lirik lagu dengan perkataan-perkataan yang sesuai, secara berpandu.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Mengubahsuai lirik dengan baik berdasarkan lagu pilihan sendiri.</p>	<p>Mendengar dan menyanyikan pelbagai jenis lagu.</p> <p>Berbincang dan memilih perkataan / kosa kata yang berpadanan.</p>

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
3.3	<p>REKA CIPTA</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengalaman kreatif - Corak Irama 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Membina satu corak irama menggunakan nilai not dan tanda rehat yang ditetapkan.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Membina dua corak irama menggunakan nilai not dan tanda rehat yang ditetapkan.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Membina tiga corak irama menggunakan nilai not dan tanda rehat yang ditetapkan.</p>	<p>Menyusun ikon bagi nilai not krocet, minim dan tanda rehat krocet.</p> <p>Membina corak irama dengan kad nombor.</p>

ASPEK 4 : PENGHARGAAN ESTETIK

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
4.1	<p>NYANYIAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memberi respon : <ul style="list-style-type: none"> - Warna ton - Tekstur - Tempo - Rentak - Mud 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Membicaraan tentang konsep muzik yang berkaitan dalam lagu yang diperdengar dengan betul secara berpandu.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Memanding beza konsep yang berkaitan di antara 2 buah lagu yang diperdengar dengan betul secara berpandu.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Memanding beza konsep yang berkaitan di antara 2 buah atau lebih lagu yang diperdengar dengan betul secara berpandu.</p>	<p>Memberi reaksi secara lisan, bertulis dan gerakan kreatif terhadap lagu yang diperdengar.</p> <p>Contoh aktiviti bertulis seperti menanda senarai semak, menjawab soalan, menulis dan mencatat..</p>
4.2	<p>MUZIK INSTRUMENTAL</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memberi respon : <ul style="list-style-type: none"> - Warna ton - Tekstur - Tempo - Rentak - Mud 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Membicaraan dengan betul tentang konsep yang berkaitan dalam muzik instrumental yang diperdengar secara berpandu.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Memanding beza dengan betul konsep yang berkaitan di antara 2 muzik instrumental yang diperdengar secara berpandu.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Memanding beza dengan betul konsep yang berkaitan di antara 2 atau lebih muzik instrumental yang diperdengar secara berpandu.</p>	<p>Menginterpretasi muzik yang didengar dengan gerakan yang sesuai.</p> <p>Mendengar lagu berentak mac, masri dan waltz.</p> <p>Mendengar pelbagai muzik vokal dan instrumental solo dan kumpulan.</p>
4.3	<ul style="list-style-type: none"> • Muzik masyarakat Malaysia <ul style="list-style-type: none"> - Fungsi 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengenal pasti ciri-ciri 3 buah lagu masyarakat Malaysia dengan betul.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>(a) Mengenalpasti ciri-ciri 4 buah lagu masyarakat Malaysia dengan betul.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>(a) Mengenalpasti ciri-ciri 5 buah lagu masyarakat Malaysia dengan betul.</p>	<p>Mendengar, menyanyikan dan memainkan pelbagai lagu masyarakat Malaysia.</p>